

02/10/1999

Bilangan melayari laman web reformasi berkurangan

PASIR MAS, Jumaat - Sambutan pengguna Internet ke laman web reformasi dan laman antikerajaan semakin berkurangan walaupun jumlah artikel berunsur fitnah, propaganda dan hasutan terhadap kerajaan meningkat sejak akhir-akhir ini.

Penurunan itu berpunca daripada rasa jemu pelawat dengan artikel yang dikatakan sama dengan artikel sebelum ini, kecuali tajuknya disensasikan.

Pengerusi Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah dan Panel Peguam Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata hasil analisis mendapati keseluruhan artikel tidak lagi cenderung kepada peristiwa menimpa bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Pihak ini sudah ketandusan isu yang diharapkan dapat menjadi umpan propaganda mereka, melainkan mengulangi kandungan sama dan mensensasikan tajuk. Sebab itu pelawat laman web reformasi dan antikerajaan berasa tertipu lalu tidak lagi mengunjungi laman berkenaan.

"Dalam tempoh seminggu bermula 22 hingga 28 September lalu, kita mengesan hanya 183 pelawat melayari laman ini sejam berbanding 283 pelawat sejam pada 15 hingga 21 September lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat Bilik Gerakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tendong, dekat sini, hari ini.

Mengikut laporan mingguan jawatankuasa itu, jumlah artikel berunsur fitnah, propaganda dan hasutan terhadap kerajaan meningkat sebanyak 213 artikel dari 22 hingga 28 September, berbanding 178 artikel dari 15 hingga 21 September lalu.

Ibrahim berkata daripada jumlah artikel yang dikesan sepanjang dua minggu itu, 14 hingga 20 daripadanya berunsur fitnah dan hasutan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata beliau, sungguhpun jumlah artikel meningkat, pihak terbabit gagal menarik minat orang ramai untuk mengunjungi laman web berkenaan kerana keseluruhan kandungan artikel itu lebih kepada mengecam kerajaan dan menaikkan imej Anwar.

"Rakyat sudah menilai antara yang buruk dengan yang baik, sebab itu mereka kurang melayari Internet," katanya.

(END)